

20/10/1997

Memartabatkan pergerakan wanita

Chek Mat

RAKYAT menaruh harapan yang tinggi terhadap kualiti pergerakan wanita agar sentiasa cemerlang sebagai penggerak utama dalam pembangunan negara.

Gambaran terkini mempamerkan bahawa masih banyak usaha perlu dipertingkatkan lagi bagi memperkasakan perjuangan wanita. Oleh sebab itu timbullah persoalan dan tanda tanya hendak ke manakah pergerakan wanita? Bagaimanakah modus operandi untuk mencapai hasrat murni itu?

Ketika merasmikan Seminar Pemantapan Pemimpin Wanita anjuran Pergerakan Wanita Umno bahagian Teluk Kemang di Institut Kepemimpinan Belia Negara baru-baru ini, Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Isa Samad menggesa satu perancangan terperinci mestilah disusun bagi memastikan kedudukan wanita sentiasa di paras tinggi. Perancangan ini penting kerana jumlah dan kualiti kaum wanita semakin bertambah serta mampu memberikan kesan mendalam bukan sahaja kepada golongan mereka sendiri tetapi juga rakyat seluruhnya.

Hakikat ini terbukti dengan sumbangan hebat tokoh-tokoh seperti Puteh Ibrahim Rashid, Zainun Sulaiman, Khadijah Sidek, Fatimah Hashim dan tokoh terkini. Golongan wanita seharusnya menghargai pengiktirafan dan kepercayaan yang diberikan oleh kerajaan.

Memahami dan menyedari kedudukan serta organisasi wanita yang sedia wujud, Prof Azimi Hamzah dari Universiti Putra Malaysia telah menimbulkan keresahan dan keprihatinannya terhadap keberkesanan pembinaan jati diri kepemimpinan wanita. Mengapakah tonggak kepemimpinan wanita yang telah lama wujud belum lagi diserlahkan sepenuhnya? Adakah mereka tenggelam dalam permasalahan dan tuntutan semasa? Mungkinkah mereka tidak mempunyai persiapan untuk menghadapi cabaran mendatang? Beliau mengharapkan agar pemimpin terkini menilai semula keberkesanan tanggungjawab secara kolektif di samping menyusun strategi terbaik ke arah pewaris tamadun Malaysia.

Kejayaan ini boleh dicapai jika Penorita (pengurusan organisasi wanita) memperlihatkan citra kepemimpinan dewasa yang unggul selepas melintasi citra kepemimpinan bayi dan belia. Ada sekurang-kurangnya lapan visi utama yang wajar dijadikan garis panduan:

- * Melahirkan generasi baru yang mengamalkan cara hidup beragama, saksama, berilmu dan berbudaya nasional.
- * Membina belia yang bermoral tinggi dan cintakan negara.
- * Mewujudkan pemimpin pelapis yang berkaliber, cekap, telus dan ikhlas.
- * Mengekalkan kedudukan autonomi, demokrasi dan kesukarelaan.
- * Memperkukuhkan semangat kebangsaan dan perpaduan negara.
- * Menggalakkan pembabitan wanita dalam proses penggubalan dasar-dasar negara.

- * Melahirkan ramai lagi tenaga mahir dan golongan professional.

- * Menyediakan peluang seluas-luasnya kepada golongan wanita untuk mengambil bahagian di dalam aktiviti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Apa yang sering mengaburi pergerakan wanita bukanlah dasar dan program yang tidak baik, tetapi kaedah pelaksanaan dan pendekatannya belum lagi memperlihatkan kematangan profesionalisme. Penorita perlu menginsafi ketempangan ini untuk membolehkan mereka menjadi tenaga penggerak berkesan sebagai satu pasukan. Golongan pemikir program yang ampuh hilang entah ke mana perlu dibina kembali. Pendekatan untuk menangani isu-isu besar masyarakat dicengkami oleh pendekatan pesta-pestaan, antiestablishment dan

budaya kepompong perlu diperbaharui dengan kehendak pelanggan terutama sekali di peringkat akar umbi.

Kita perlu pendekatan konstruktif dan proaktif dalam memartabatkan kepemimpinan wanita yang lebih ceria, dihormati, berbudaya dan berilmu. Pendekatan yang terlalu konseptual perlu diiringi dengan pendekatan kejiwaan dan tapak pengoperasian yang berjejak di bumi nyata. Apa yang lebih penting ialah untuk melihat kesediaan golongan pelapis untuk merasa terpenggil dengan motivasi membara untuk terjun ke arena bagi menyumbangkan perkhidmatan cemerlang. Di sinilah pentingnya idealisme dan aktivisme ditonjolkan serentak. Idealisme yang menjadi pegangan pergerakan wanita perlu menampilkan kebenaran, keadilan dan perpaduan secara serentak.

Sementara aktivisme menjadi wadah untuk mengisi 'cakap serupa bikin'. Matlamat ini perlu dicapai dengan pengisian yang mencakupi seluruh dimensi dan spektrum kehidupan kaum wanita semasa. Kita kekurangan pemimpin wanita yang berani tetapi melempah dengan golongan pengampu, cerdik penakut dan pengikut buta-tuli. Sepatutnya tidak wujud lagi pemikiran tempurung, budaya subsidi dan cerita tujuh orang buta dengan seekor gajah dalam Penorita.

Pada masa yang sama ada juga isu-isu konvensional yang boleh memanaskan darah kaum wanita. Masih ada golongan tertentu dalam masyarakat yang mempertikaikan kewujudan wanita dalam hirarki politik, ekonomi dan sosial negara. Bukan setakat itu sahaja malah menganggapnya sebagai alat memproses reproduksi zuriat manusia. Sekalipun isu ini ketinggalan zaman, tetapi sering ditimbulkan dalam bentuk kesamaran makna dan psikologi perhambaan. Sengaja ditimbulkan imej-imej suram wanita dengan watak-watak ganas dan 'superwoman'. Apa yang sangat mengecewakan ada sebilangan kaum wanita sendiri yang terlalu taksub dan terpukau dengan keindahan budaya popular. Budaya nasional kita sudah jauh terasing dalam gaya hidup moden.

Jika kecenderungan ini terus berlanjutan, ajaran Islam yang mengiktiraf kedudukan wanita akan terhakis dengan sendirinya. Di sinilah pentingnya saranan wanita besi, Datuk Maznah Hamid, supaya pergerakan wanita memulihkan semula imej diri dengan menanamkan nilai-nilai murni. Salah satu kaedahnya ialah menerusi psikologi kejayaan pemameran perlakuan yang positif. Pemulihan ini terasa begitu getir kerana fokus tindakan wanita lebih bersifat dalaman bukan lagi bersifat luaran. Jika keadaan ini berterusan banyak masa, tenaga dan pemikiran akan dibazirkan sehingga mencacatkan proses mencetak kemenangan.

Cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk melihat corak kepemimpinan yang lebih telus, bertanggungjawab, akauntabiliti dan bersih daripada rasuah bukanlah sesuatu yang ideal. Ini memang boleh dicapai dan diamalkan dalam budaya kita. Dalam budaya Islam Hukama pernah berkata: "Kalau baik wanita, maka baiklah negara dan kalau rosak wanita maka akan rosaklah sesebuah negara." Oleh sebab itu seluruh Penorita tanah air perlu memberikan kerjasama dan komitmen yang tidak berbelah bagi.

(END)